

Corak Komunikasi Keluarga dan Penghargaan Kendiri Belia dalam Keluarga Ibu Bapa Tunggal

Siti Haslina Hussin* and Nur Aisyah Ardila Abdul Rahman
Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota
Samarahan, Sarawak, Malaysia

Received 11 July 2025, Revised 8 December 2025, Accepted 9 December 2025, Published 14 December 2025

*Corresponding author's email: hhaslina@unimas.my

Abstrak

Komunikasi keluarga yang berkesan memainkan peranan penting dalam pembentukan penghargaan sendiri, terutamanya dalam kalangan belia yang berasal daripada keluarga ibu bapa tunggal. Ketiadaan pasangan dalam struktur keluarga ini mewujudkan cabaran melaksanakan komunikasi keluarga yang efektif dalam kehidupan seharian. Kajian ini dijalankan bagi meneliti hubungan antara corak komunikasi keluarga dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan belia yang tinggal dalam keluarga ibu bapa tunggal. Responden kajian terdiri daripada 90 belia berusia antara 13 hingga 20 tahun di kawasan Sarikei, Sarawak. Data dikumpulkan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi dua instrumen utama iaitu Revised Family Communication Pattern (RFCP) untuk mengukur corak komunikasi keluarga dan Rosenberg Self-Esteem Scale (RSES) bagi menilai tahap penghargaan sendiri responden. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27. Hasil analisis menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara corak komunikasi keluarga dengan tahap penghargaan sendiri belia. Namun begitu, dapatan kajian ini memberikan gambaran yang jelas mengenai interaksi belia dalam struktur keluarga ibu bapa tunggal, di mana ketiadaan pasangan mewujudkan cabaran komunikasi yang unik. Kajian ini juga berpotensi membantu pihak-pihak berkepentingan, termasuk kaunselor dan pendidik, dalam merangka intervensi yang sesuai bagi menyokong kesejahteraan psikososial belia daripada keluarga tunggal.

Kata kunci: Remaja, Komunikasi keluarga, Penghargaan sendiri, Ibu bapa tunggal

Abstract

Effective family communication plays a vital role in shaping self-esteem, particularly among adolescents from single-parent families. The absence of a partner within this family structure presents challenges to establishing effective communication in daily life. This study was conducted to examine the relationship between family communication patterns and self-esteem levels among adolescents living in single-parent households. The respondents comprised 90 adolescents aged between 13 and 20 years residing in the Sarikei district of Sarawak. Data were collected using a questionnaire that incorporated two primary instruments: the Revised Family Communication Pattern (RFCP) to assess family communication patterns and the Rosenberg Self-Esteem Scale (RSES) to measure respondents' self-esteem levels. The data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 27. The findings revealed no significant relationship between family communication patterns and adolescents' self-esteem levels. Nevertheless, the results provide valuable insights into the interpersonal dynamics of adolescents in single-parent family structures, where the absence of a partner creates distinct communication challenges. This study also has the potential to inform relevant stakeholders, including counsellors and educators, in designing appropriate interventions to support the psychosocial well-being of adolescents from single-parent families.

Keywords: Adolescents, Family communication, Self-esteem, Single-parent families.

1. PENGENALAN

Keluarga ibu bapa tunggal berbeza daripada keluarga berstruktur tradisional kerana hanya terdiri daripada seorang ibu atau bapa yang membesarkan anak-anak tanpa kehadiran pasangan. Laporan statistik Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 menunjukkan kebimbangan apabila jumlah kumpulan sasar ini terus meningkat kepada angka satu juta di negara ini (Adnan, 2022). Fenomena ini berpunca daripada pelbagai faktor seperti penceraian, kematian pasangan, atau kehamilan luar nikah. Dalam konteks ini, tanggungjawab mengurus rutin harian dan memastikan kesejahteraan emosi anak-anak terletak sepenuhnya pada bahu ibu atau bapa tunggal tanpa sokongan pasangan. Cabaran-cabaran tersebut seterusnya membentuk dimensi komunikasi yang unik dalam sesebuah keluarga ibu bapa tunggal.

Ritchie dan Fitzpatrick (1990) menyatakan bahawa corak komunikasi dalam sesebuah keluarga bergantung kepada cara ibu bapa berinteraksi serta bertukar maklumat dengan anak-anak. Mereka membahagikan komunikasi keluarga kepada dua dimensi utama, iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakuran. Orientasi keakuran menitikberatkan aspek kepatuhan serta nilai-nilai yang dipegang dalam keluarga, manakala orientasi perbualan merujuk kepada keterbukaan dan kebebasan dalam berbincang antara ahli keluarga. Komunikasi keluarga memainkan peranan penting dalam perkembangan struktur dan dinamik sesebuah keluarga. Ini kerana institusi keluarga merupakan asas utama dalam membentuk sikap, nilai, dan tingkah laku individu. Melalui proses sosialisasi dalam keluarga, kanak-kanak membina sikap serta nilai yang menjadi asas kepada pembentukan identiti diri. Komunikasi sebagai bentuk interaksi antara ahli keluarga diakui sebagai elemen penting dalam membina hubungan interpersonal yang kukuh, seterusnya menyumbang kepada pembentukan keluarga yang harmoni.

Selain itu, komunikasi keluarga turut memberi impak terhadap pembangunan sendiri anak-anak. Hal ini kerana setiap individu melalui proses perkembangan yang melibatkan pembentukan penghargaan sendiri. Dalam proses untuk membentuk penghargaan sendiri (*self-esteem*) kanak-kanak, ibu bapa perlu menjadi orang penting dan memainkan peranannya (Mansor et al., 2021). Justeru, hubungan yang wujud melalui komunikasi keluarga di rumah memainkan peranan penting dalam membina penghargaan sendiri yang positif dalam kalangan belia. Kajian Md. Nawi et al. (2019) menunjukkan adanya korelasi yang signifikan antara ketergantungan pada ibu bapa dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut mendapati bahawa semakin tinggi tahap ketergantungan pelajar terhadap ibu bapa, semakin tinggi juga tahap penghargaan sendiri yang mereka miliki.

Belia yang membesar dalam keluarga tidak lengkap menghadapi pengalaman yang berbeza berbanding dengan mereka yang membesar dalam keluarga lengkap. Melalui kajian Jusoh dan Latada (2019), ketiadaan bapa dalam sistem kekeluargaan mampu mempengaruhi peranan ketua keluarga untuk mengurus dan membimbing sistem keluarga terutamanya terhadap kesejahteraan anak. Selain itu, cabaran kewangan ibu bapa tunggal yang perlu menanggung kos penjagaan anak dan kehidupan harian dengan pendapatan tunggal. Tekanan ekonomi ini membawa kepada ketidakstabilan mental dan emosi, sekali gus membuktikan beban berat yang dipikul tanpa sokongan pasangan (Cruz et al., 2024). Situasi ini berpotensi memberi kesan negatif terhadap penghargaan sendiri anak-anak dalam keluarga tersebut.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji corak komunikasi keluarga dalam kalangan belia yang membesar dalam keluarga ibu bapa tunggal, menilai tahap penghargaan sendiri mereka, serta meneliti hubungan antara corak komunikasi keluarga dengan tahap penghargaan sendiri belia dalam konteks tersebut. Secara khusus, kajian ingin menjawab persoalan berkaitan corak komunikasi keluarga belia ibu bapa tunggal, tahap penghargaan sendiri yang dimiliki, dan kaitan antara kedua-duanya.

1.1. Komunikasi Keluarga

Komunikasi keluarga boleh dijelaskan melalui dua dimensi utama iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakuran, seperti yang dikemukakan oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1990). Menurut Jusoh dan Latada (2019), pola komunikasi dalam keluarga melibatkan pelbagai bentuk interaksi seperti antara suami isteri, ibu bapa dengan anak, dan antara adik-beradik. Komunikasi yang efektif adalah penting dalam mengekalkan kesejahteraan keluarga dan mengukuhkan hubungan melalui saling mempercayai

yang membentuk integriti keluarga. Kajian Keating (2016) mendapati bahawa orientasi perbualan dan orientasi keakuran mempunyai hubungan negatif, dan kesan kedua-dua orientasi berbeza antara ibu bapa dan anak-anak. Manakala kajian Hassan et al. (2022) pula mengkaji komunikasi ibu bapa dengan anak Generasi Z di Malaysia, mendapati pola komunikasi pluralistik lebih dominan dalam keluarga mereka, yang memberikan kesan positif terhadap tingkah laku dan kebahagiaan keluarga.

Corak komunikasi dalam keluarga boleh diukur melalui gaya interaksi ibu bapa seperti keterbukaan, kepercayaan, dan kejujuran. Sumakul (2015) menyatakan bahawa ibu lebih aktif berinteraksi dengan anak-anak, manakala bapa kurang terlibat kerana fokus kepada kerja mencari nafkah. Komunikasi keluarga berperanan sebagai asas pendidikan pertama anak-anak (Hafizah & Sari, 2019), di mana keberkesanan ajaran bergantung kepada gaya komunikasi yang digunakan, sama ada secara verbal atau non-verbal. Namun, komunikasi yang tidak efektif boleh memberi kesan negatif. Schrodtt dan Shimkowski (2015) melaporkan bahawa remaja yang mengalami orientasi perbualan cenderung menilai komunikasi keluarga mereka secara positif, manakala mereka yang terdedah kepada orientasi keakuran lebih berasa komunikasi keluarga kurang berkesan. Ini kerana ibu bapa yang mengamalkan orientasi keakuran kurang berjaya menjelaskan rasional di sebalik arahan dan peraturan kepada anak-anak semasa berkomunikasi. Kajian Dalwiah Eka Lestari & Ishak (2018) menunjukkan bahawa bapa tunggal cenderung lebih posesif dan kurang memberikan kepercayaan kepada anak, sementara ibu tunggal lebih cenderung membahagi tugas untuk mendidik sifat berdikari.

1.2. Keluarga Ibu Bapa Tunggal

Keluarga ibu bapa tunggal terbentuk disebabkan pelbagai faktor seperti penceraian, kematian salah seorang ibu bapa, kehamilan luar nikah, dan lain-lain. Belia yang dibesarkan dalam keluarga sebegini sering menghadapi pelbagai cabaran psikologi dan sosial yang berbeza berbanding keluarga lengkap. Kajian oleh Zulkefli dan Mustapha (2016) menunjukkan bahawa krisis penceraian memberi kesan emosi yang lebih mendalam kepada belia perempuan kerana mereka cenderung berasa malu dan mengasingkan diri daripada masyarakat, sekali gus menjejaskan keyakinan diri mereka. Di sini, anak perempuan lebih rapat secara emosi dengan ibu, dan krisis penceraian memberi kesan emosi yang lebih mendalam kepada belia perempuan. Oleh itu, sokongan keluarga dan penjaga yang stabil amat penting dalam membantu belia menyesuaikan diri dalam suasana keluarga ibu bapa tunggal.

Ibu bapa tunggal menghadapi tanggungjawab yang lebih berat kerana perlu menggalas peranan tanpa kehadiran pasangan. Gaya keibubapaan yang diamalkan juga berbeza mengikut jantina dan peranan ibu atau bapa tunggal. Bapa tunggal cenderung memanjakan anak, bersikap posesif, dan kurang memberikan kepercayaan. Sementara itu, ibu tunggal lebih cenderung membagi tugas kepada anak sebagai bentuk didikan agar lebih berdikari dan tidak manja (Dalwiah Eka Lestari & Ishak, 2018).

Selain itu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa keluarga ibu bapa tunggal sering dikaitkan dengan pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan perkembangan psikologi, sosial, dan intelektual kanak-kanak. Jayabalan (2021) mendapati anak dari keluarga ibu bapa tunggal yang kurang penglibatan dan pengawasan ibu bapa cenderung menunjukkan prestasi akademik yang rendah dan masalah tingkah laku berbanding anak dari keluarga dua ibu bapa. Kajian terkini oleh Fu (2023) juga menyatakan bahawa cabaran ini boleh membawa kepada masalah tingkah laku luaran di kalangan remaja, namun punca asas boleh diatasi untuk meningkatkan kesejahteraan mereka. Jun-qing (2020) menambah bahawa tekanan ekonomi, fungsi pendidikan keluarga yang lemah, dan kurangnya perhatian sosial turut menyumbang kepada kesukaran kanak-kanak membesar dalam keluarga tunggal.

Selain kesan emosi dan akademik, kanak-kanak dalam keluarga ibu bapa tunggal turut terdedah kepada konflik keluarga yang mempengaruhi hubungan interpersonal dan kematangan awal (Costin, 2023). Penyelidikan membandingkan keluarga ibu tunggal dan bapa tunggal menunjukkan bahawa kedua-duanya boleh menjadi penjaga yang berkesan walaupun terdapat perbezaan dalam dinamika penjagaan.

1.3. Penghargaan Kendiri Belia

Penghargaan kendiri merupakan komponen penting dalam kesihatan mental yang mempengaruhi kepercayaan individu mengatasi cabaran kehidupan. Ia merujuk kepada penilaian diri terhadap nilai, kemahiran, kepercayaan, dan keperibadian sendiri. Kajian menunjukkan bahawa penghargaan kendiri yang tinggi berkait rapat dengan kesejahteraan fizikal dan mental yang lebih baik, keyakinan diri, dan kemampuan menghadapi tekanan serta kritikan secara positif (Bojanic et al., 2019). Sebaliknya,

penghargaan sendiri yang rendah dikaitkan dengan tekanan hidup yang tinggi, gangguan emosi, tingkah laku negatif, dan risiko kesihatan mental seperti kecenderungan bunuh diri (Orth et al., 2016). Perbezaan penghargaan sendiri juga dilihat dari segi jantina. Mohd Ajis et al. (2021) mendapati lelaki menunjukkan tahap penghargaan sendiri lebih tinggi dalam aspek penampilan fizikal, atletik, dan kepuasan sendiri, manakala wanita mempunyai penghargaan yang lebih tinggi dalam aspek tingkah laku dan moral-etika.

Kajian oleh Jafar dan Hasan (2016) menegaskan bahawa penghargaan sendiri yang tinggi berkait dengan kepuasan hidup belia. Walaupun pelbagai faktor menyumbang kepada penghargaan sendiri, rakan sebaya merupakan faktor dominan kerana majoriti remaja memberi tumpuan lebih kepada hubungan sosial bersama rakan berbanding ahli keluarga. Ini menunjukkan sokongan sosial dari rakan dapat meningkatkan penghargaan sendiri sekaligus meningkatkan kepuasan hidup. Selain itu, kajian Mund et al. (2015) menyatakan penghargaan sendiri dan kualiti hubungan sosial adalah saling mempengaruhi secara dinamik. Kamarulzaman (2019) menekankan terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan ibu bapa dengan konsep diri pelajar kerana dapat membantu meningkatkan keyakinan dan penghargaan sendiri pelajar.

1.4. Pengaruh Komunikasi Keluarga terhadap Penghargaan Kendiri

Komunikasi belia dengan keluarga di rumah memainkan peranan penting dalam membina penghargaan sendiri yang positif. Mohd Nasir et al. (2023) menekankan kepentingan corak komunikasi keluarga dalam membentuk konsep diri golongan belia.. Kajian oleh Homayoon dan Almasi (2021) menunjukkan bahawa corak komunikasi keluarga dan gaya keibubapaan memberi kesan besar terhadap penghargaan sendiri pelajar sekolah menengah, terutama yang mempunyai masalah pembelajaran. Ibu bapa yang mengamalkan komunikasi positif seperti sokongan dan dorongan dapat meningkatkan penghargaan sendiri anak dalam pelbagai aspek, termasuk pembelajaran. Keberkesanan komunikasi keluarga bergantung kepada kestabilan emosi ibu bapa sendiri. Kajian Hemati et al. (2017) membandingkan pola komunikasi keluarga dengan ibu bapa normal dan mereka yang menghadapi masalah ketagihan bahan terlarang. Ibu bapa dengan masalah ketagihan cenderung kurang berkomunikasi dan memberi perhatian kepada anak, sekaligus melemahkan hubungan keluarga dan penghargaan sendiri belia.

Corak komunikasi keluarga juga mempengaruhi penghargaan sendiri. Kajian Nwokolo (2021) mendapati orientasi perbualan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan penghargaan sendiri belia. Walaupun orientasi keakuran lebih dominan di kalangan keluarga di Nigeria, ia memberi kesan positif apabila ibu bapa tegas tetapi berjaya menjelaskan rasional kepada anak-anak. Oleh itu, ibu bapa perlu bijak berkomunikasi supaya orientasi apa pun tidak menjejaskan penghargaan sendiri anak. Selain itu, Md. Nawi et al. (2019) menegaskan hubungan yang mesra dan penerimaan keluarga terhadap anak-anak yang juga merupakan ciri utama orientasi perbualan, membantu membentuk penghargaan sendiri yang positif dan mengurangkan tekanan psikologi dalam kalangan pelajar bermasalah. Hubungan yang bebas dan selesa dalam keluarga orientasi perbualan menyokong perkembangan psikologi belia secara positif. Esmacili dan Yaacob (2012) mendapati bahawa remaja yang mengalami tahap konflik ibu bapa selepas perceraian yang tinggi, kesusahan ibu, kesusahan ekonomi, dan kualiti hubungan ibu bapa yang rendah cenderung menunjukkan tahap harga diri yang lebih rendah.

Kajian mengenai komunikasi keluarga merupakan salah satu tumpuan utama dalam bidang komunikasi keluarga dan perkembangan manusia. Namun demikian, penyelidikan yang secara khusus memfokuskan kepada keluarga ibu bapa tunggal masih terhad. Di samping itu, hubungan antara corak komunikasi dalam keluarga ibu bapa tunggal dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan remaja masih belum diterokai secara mendalam dalam literatur sedia ada. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif dan menguji hipotesis seperti berikut:

- i. Mengetahui corak komunikasi keluarga dalam kalangan belia yang dibesarkan dalam keluarga ibu bapa tunggal.
- ii. Menilai tahap penghargaan sendiri dalam kalangan belia daripada keluarga ibu bapa tunggal.
- iii. Menganalisis hubungan antara corak komunikasi keluarga dan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan belia yang berasal daripada keluarga ibu bapa tunggal.

Hipotesis

- i. Tiada hubungan signifikan antara komunikasi berorientasi perbualan ibu dan tahap penghargaan sendiri belia.
- ii. Tiada hubungan signifikan antara komunikasi berorientasi keakuran ibu dan tahap penghargaan sendiri belia.
- iii. Tiada hubungan signifikan antara komunikasi berorientasi perbualan bapa dan tahap penghargaan sendiri belia.
- iv. Tiada hubungan signifikan antara komunikasi berorientasi keakuran bapa dan tahap penghargaan sendiri belia.

2. INSTRUMEN KAJIAN DAN METODOLOGI

Kajian ini bertujuan mengenal pasti corak komunikasi keluarga serta tahap penghargaan sendiri dalam kalangan belia daripada keluarga ibu bapa tunggal di Sarikei, Sarawak, dan seterusnya meneliti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Pemilihan lokasi kajian mengambil kira keperluan untuk meneroka konteks lokal luar bandar yang masih kurang diberikan perhatian dalam literatur sedia ada. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kuantitatif, melibatkan populasi remaja berumur 13 hingga 20 tahun yang menetap di daerah Sarikei dan dibesarkan dalam keluarga ibu atau bapa tunggal. Seramai 90 orang responden dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan berdasarkan kriteria inklusi yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, ruang lingkup lokasi dan ciri populasi ini diakui mengehadkan kebolehgeneralisasian dapatan kepada populasi yang lebih luas.

Pengumpulan data primer dilaksanakan melalui edaran soal selidik secara bersemuka dan dalam talian menggunakan kod QR serta aplikasi WhatsApp, setelah pengesahan dibuat bahawa responden memenuhi kriteria kelayakan. Instrumen soal selidik kajian ini terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu: (1) maklumat demografi responden, (2) pengukuran corak komunikasi keluarga menggunakan instrumen *Revised Family Communication Pattern* (RFCP), dan (3) penilaian tahap penghargaan sendiri menggunakan *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSES). RFCP menilai corak komunikasi keluarga berdasarkan dua dimensi utama, iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakuran, yang diukur menggunakan skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju). Sementara itu, RSES terdiri daripada 10 item yang mengukur tahap penghargaan sendiri individu, dinilai melalui skala empat mata (0 = sangat tidak setuju hingga 3 = sangat setuju). Skor keseluruhan RSES kemudiannya ditafsirkan kepada tiga kategori tahap penghargaan sendiri, iaitu rendah, sederhana, dan tinggi.

Analisis data merangkumi analisis deskriptif, dan korelasi bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. *Pekali Korelasi Spearman* (*Spearman's Rho*) merupakan kaedah korelasi bukan parametrik yang sesuai untuk data berskala ordinal atau data berskala sela/nisbah yang tidak mempunyai taburan normal. Tafsiran kekuatan hubungan berdasarkan nilai pekali korelasi Spearman (r_s) adalah seperti berikut: nilai r_s melebihi 0.51 menunjukkan hubungan yang kuat; nilai antara 0.31 hingga 0.50 menunjukkan hubungan sederhana; nilai antara 0 hingga 0.30 menunjukkan hubungan lemah; manakala nilai $r_s = 0$ menandakan tiada hubungan. Nilai r_s yang positif menunjukkan hubungan searah, manakala nilai r_s yang negatif menunjukkan hubungan songsang dengan kekuatan yang sama mengikut julat. Keputusan korelasi dianggap tidak signifikan dari segi statistik apabila nilai p melebihi 0.05 ($p > 0.05$), menunjukkan bahawa hubungan yang diperoleh mungkin berlaku secara kebetulan atau dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Dalam keadaan ini, pemboleh ubah bebas tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar.

3. DAPATAN

Jadual 1 menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada perempuan, iaitu seramai 56 orang (62.2%), manakala selebihnya adalah lelaki, iaitu 34 orang (37.8%). Dari segi umur, kumpulan usia yang paling dominan ialah 19 hingga 20 tahun (36.7%), diikuti oleh responden berumur 17 hingga 18 tahun (31.1%). Sebahagian besar responden (60%) tinggal bersama ibu, manakala selebihnya tinggal bersama bapa (17.8%) atau secara bergilir-gilir antara kedua-dua ibu bapa (22.2%). Selain itu, sebanyak 60% responden melaporkan bahawa mereka aktif menyertai aktiviti sekolah atau menjadi wakil sekolah dalam pertandingan. Dalam aspek sosial, majoriti responden (91.1%) menyatakan mereka suka bergaul dengan rakan-rakan. Dari segi hubungan dengan guru di sekolah, 57.8% responden melaporkan tahap

keakraban yang sederhana. Akhir sekali, sebanyak 57.8% responden (52 orang) memilih pilihan "kadang-kadang" apabila ditanya tentang kekerapan mereka membandingkan diri dengan orang lain dari segi pencapaian akademik dan kokurikulum.

Jadual 1. Rumusan demografi belia dalam keluarga ibu bapa tunggal (N=90)

Demografi	Item	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	34	37.8%
	Perempuan	56	62.2%
Umur	13 – 14 tahun	9	10%
	15 – 16 tahun	20	22.2%
	17 – 18 tahun	28	31.1%
	19 – 20 tahun	33	36.7%
Tinggal bersama	Ibu	54	60%
	Bapa	16	17.8%
	Bergilir-gilir	20	22.2%
Adakah anda aktif menyertai aktiviti di sekolah atau menjadi wakil sekolah dalam pertandingan?	Aktif	54	60%
	Tidak aktif	36	40%
Adakah anda suka bergaul dengan rakan-rakan?	Ya	82	91.1%
	Tidak	8	8.9%
Bagaimanakah hubungan anda dengan cikgu di sekolah?	Rapat	25	27.8%
	Sederhana	52	57.8%
	Tidak rapat	13	14.4%
Adakah anda selalu membandingkan diri anda dengan orang lain dari segi pencapaian akademik dan kokurikulum?	Setiap masa	22	24.4%
	Kadang-kadang	52	57.8%
	Tidak pernah	16	17.8%

3.1. Corak Komunikasi Keluarga

Jadual 2 menunjukkan corak komunikasi keluarga yang diamalkan oleh belia dalam keluarga ibu bapa tunggal. Secara keseluruhan, min skor bagi orientasi perbualan antara belia dan ibu adalah 37.99, manakala orientasi keakuran mencatatkan min sebanyak 30.79. Bagi komunikasi dengan bapa pula, min bagi orientasi perbualan adalah 28.90, manakala orientasi keakuran mencatatkan min terendah iaitu 25.87. Dapatan ini menunjukkan bahawa corak komunikasi berorientasikan perbualan dengan ibu merupakan bentuk komunikasi yang paling tinggi diamalkan oleh belia dalam keluarga ibu bapa tunggal. Ini mencerminkan kecenderungan belia untuk berinteraksi secara terbuka dan berasaskan dialog bersama ibu berbanding bapa, khususnya dalam konteks komunikasi harian dan pengambilan keputusan dalam keluarga.

Jadual 2. Corak komunikasi keluarga belia dalam keluarga ibu bapa tunggal (N=90)

Corak Komunikasi	Min
Orientasi Perbualan dengan Ibu	37.99
Orientasi Keakuran dengan Ibu	30.79
Orientasi Perbualan dengan Bapa	28.90
Orientasi Keakuran dengan Bapa	25.87

3.2. Tahap Penghargaan Kendiri Belia Dalam Keluarga Ibu Bapa Tunggal

Jadual 3 menunjukkan majoriti responden (91.1%) cenderung bersetuju bahawa mereka berasa bernilai, mempunyai kualiti yang baik, dan mampu melakukan sesuatu seperti orang lain. Walau bagaimanapun, sebilangan besar masih menunjukkan keraguan terhadap diri mereka sendiri, dengan lebih 40% berharap mereka dapat lebih menghormati diri sendiri. Ada juga responden yang cenderung merasa tidak berharga atau gagal, walaupun peratusannya adalah lebih rendah. Secara keseluruhannya, dapatan ini mencerminkan pelbagai tahap penghargaan kendiri dalam kalangan belia.

Jadual 3. Jadual deskriptif tahap penghargaan sendiri belia dalam keluarga ibu bapa tunggal. (N=90)

	Sangat Tidak Setuju %	Tidak Setuju %	Setuju %	Sangat setuju %	Sisihan Piawai (N=90)
Saya rasa bahawa saya adalah seorang yang bernilai, sekurang-kurangnya setara dengan orang lain.	2.2	16.7	56.7	24.4	0.710
Saya rasa saya mempunyai beberapa kualiti yang baik.	2.2	10.0	58.9	28.9	0.680
Saya mampu melakukan sesuatu perkara sebaik mungkin seperti orang lain.	4.4	13.3	54.4	27.8	0.770
Saya bersikap positif terhadap diri saya.	11.1	18.9	45.6	24.4	0.927
Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan diri saya.	8.9	38.9	35.6	16.7	0.872
Saya rasa saya tidak mempunyai banyak perkara untuk dibanggakan.	10.0	36.7	35.6	17.8	0.896
Saya merasa tidak berguna pada masa-masa tertentu.	7.8	27.8	38.9	25.6	0.907
Ada kalanya saya fikir saya tidak bagus sama sekali.	8.9	27.8	36.7	26.7	0.935
Saya harap saya dapat lebih menghormati diri sendiri.	2.2	6.7	44.4	46.7	0.708
Secara keseluruhannya, saya cenderung merasa bahawa saya adalah seorang yang gagal.	30	30	24.4	15.6	1.055

Berdasarkan Jadual 4, min tahap penghargaan sendiri bagi responden lelaki adalah 17.06, manakala bagi responden perempuan pula ialah 15.05, menunjukkan sedikit perbezaan dengan lelaki mencatatkan skor yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, tahap penghargaan sendiri bagi kedua-dua jantina masih berada dalam julat sederhana atau normal. Secara keseluruhan, min tahap penghargaan sendiri bagi semua responden adalah 15.81, yang turut berada dalam julat sederhana.

Jadual 4. Tahap penghargaan sendiri belia dalam keluarga ibu bapa tunggal mengikut jantina (N=90)

Jantina	N	Min
Lelaki	34	17.06
Perempuan	56	15.05
Keseluruhan	90	15.81

3.3. Hubungan Corak Komunikasi Keluarga dengan Penghargaan Kendiri Belia Dalam Keluarga Ibu Bapa Tunggal

Hipotesis 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak komunikasi berorientasikan perbualan dengan ibu dengan penghargaan sendiri belia.

Berdasarkan Jadual 5, corak komunikasi berorientasikan perbualan dengan ibu menunjukkan hubungan positif yang rendah ($r_s = 0.172$) dengan penghargaan sendiri belia. Namun, nilai $p = 0.104$ ($p > 0.05$) menunjukkan tiada hubungan yang signifikan. Ini mungkin disebabkan oleh pengaruh faktor lain

atau hubungan yang terlalu lemah. Justeru, hipotesis nul iaitu tiada hubungan yang signifikan antara komunikasi berorientasi perbualan ibu dengan tahap penghargaan sendiri belia diterima.

Jadual 5. Jadual korelasi Spearman Rho bagi hubungan corak komunikasi berorientasikan perbualan dengan ibu dengan penghargaan sendiri belia dalam keluarga ibu bapa tunggal (N = 90)

	Korelasi (r_s)	Signifikan (p)	Catatan
Perbualan Ibu	0.172	0.104	Diterima

Hipotesis 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak komunikasi berorientasikan keakuran dengan ibu dengan penghargaan sendiri belia.

Berdasarkan Jadual 6, corak komunikasi berorientasikan keakuran dengan ibu menunjukkan hubungan negatif yang rendah ($r_s = -0.155$) dengan penghargaan sendiri belia. Namun, nilai $p = 0.145$ ($p > 0.05$) menunjukkan tiada hubungan signifikan. Ini mungkin disebabkan oleh faktor lain yang lebih mempengaruhi atau hubungan yang terlalu lemah. Oleh itu, hipotesis nul yakni tiada hubungan yang signifikan antara komunikasi berorientasikan keakuran dengan ibu dengan tahap penghargaan sendiri belia diterima.

Jadual 6. Jadual korelasi Spearman Rho bagi hubungan corak komunikasi berorientasikan keakuran dengan ibu dengan tahap penghargaan sendiri belia dalam keluarga ibu bapa tunggal (N = 90)

	Korelasi (r_s)	Signifikan (p)	Catatan
Keakuran Ibu	-0.155	0.145	Diterima

Hipotesis 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak komunikasi berorientasikan perbualan dengan bapa dengan penghargaan sendiri belia.

Berdasarkan Jadual 7, corak komunikasi berorientasikan perbualan dengan bapa menunjukkan hubungan negatif yang rendah ($r_s = -0.088$) dengan penghargaan sendiri belia. Namun, nilai $p = 0.411$ ($p > 0.05$) menunjukkan tiada hubungan signifikan. Ini mungkin disebabkan oleh faktor lain yang lebih dominan atau hubungan yang lemah. Maka, hipotesis nul iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak komunikasi berorientasikan perbualan dengan bapa dengan penghargaan sendiri belia diterima.

Jadual 7. Jadual korelasi Spearman Rho bagi hubungan corak komunikasi berorientasikan perbualan dengan bapa dengan tahap penghargaan sendiri belia dalam keluarga ibu bapa tunggal (N = 90)

	Korelasi (r_s)	Signifikan (p)	Catatan
Perbualan Bapa	-0.088	0.411	Diterima

Hipotesis 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak komunikasi berorientasikan keakuran dengan bapa dengan penghargaan sendiri belia.

Berdasarkan Jadual 8, corak komunikasi berorientasikan keakuran dengan bapa menunjukkan hubungan negatif yang rendah ($r_s = -0.166$) dengan penghargaan sendiri belia. Namun, nilai $p = 0.118$ ($p > 0.05$) menunjukkan tiada hubungan signifikan. Ini mungkin disebabkan oleh faktor lain yang lebih mempengaruhi atau hubungan yang lemah. Oleh itu, hipotesis nul iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak komunikasi berorientasikan keakuran dengan bapa dengan penghargaan sendiri belia diterima.

Jadual 8. Jadual korelasi Spearman Rho bagi hubungan corak komunikasi berorientasikan keakuran dengan bapa dengan tahap penghargaan sendiri belia dalam keluarga ibu bapa tunggal (N = 90)

	Korelasi (r_s)	Signifikan (p)	Catatan
Keakuran Bapa	-0.166	0.118	Diterima

Dapat dirumuskan bahawa dapatan utama menunjukkan bahawa keempat-empat hipotesis nul diterima, yang bermaksud tiada satu pun corak komunikasi yang diuji menunjukkan hubungan yang signifikan secara statistik dengan penghargaan sendiri belia.

- Komunikasi Berorientasikan Perbualan dengan Ibu menunjukkan hubungan positif yang sangat lemah ($r_s = 0.172$) dan tidak signifikan secara statistik ($p = 0.104$; $p > 0.05$).
- Komunikasi Berorientasikan Keakuran dengan Ibu menunjukkan hubungan negatif yang rendah ($r_s = -0.155$) dan tidak signifikan secara statistik ($p = 0.145$; $p > 0.05$).
- Komunikasi Berorientasikan Perbualan dengan Bapa menunjukkan hubungan negatif yang amat lemah ($r_s = -0.088$) dan tidak signifikan secara statistik ($p = 0.411$; $p > 0.05$).
- Komunikasi Berorientasikan Keakuran dengan Bapa menunjukkan hubungan negatif yang rendah ($r_s = -0.166$) dan tidak signifikan secara statistik ($p = 0.118$; $p > 0.05$).

Dapatan tidak signifikan dalam analisis korelasi Spearman Rho menunjukkan bahawa corak komunikasi keluarga tidak berfungsi sebagai peramal yang kukuh terhadap tahap penghargaan sendiri belia. Saiz sampel yang relatif kecil (N=90) serta pengaruh faktor luaran seperti rakan sebaya, persekitaran sosial, sokongan komuniti, tekanan akademik dan beban kewangan dalam keluarga ibu bapa tunggal berkemungkinan lebih dominan, sehingga membawa kepada penerimaan semua hipotesis nul. Justeru, dapatan ini mencerminkan kuasa statistik yang terhad dan menghadkan generalisasi hasil kajian kepada populasi yang lebih luas.

4. PERBINCANGAN

4.1. Corak Komunikasi Keluarga

Kajian ini menggunakan Model Pola Komunikasi Keluarga oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1990), yang menekankan dua dimensi utama komunikasi keluarga, iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakuran. Corak komunikasi yang paling dominan ialah orientasi perbualan dengan ibu. Menurut Yaffe (2023), ibu dilihat sebagai lebih menerima, responsif dan menyokong berbanding bapa. Ibu juga cenderung menunjukkan tahap kawalan tingkah laku, tuntutan, serta pemberian autonomi yang lebih seimbang berbanding bapa. Hubungan anak perempuan dengan ibu memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti, yang merangkumi kasih sayang dan konflik (Sharma, 2024). Belia perempuan lebih cenderung mengamalkan komunikasi berbentuk perbualan dengan ibu berbanding lelaki. Kajian Frase et al. (2022) menunjukkan ibu lebih rapat secara emosi dengan anak perempuan. Belia berumur 19 hingga 20 tahun juga lebih terbuka dalam komunikasi terutama dengan ibu. Ini dipengaruhi oleh tahap kematangan psikososial mereka. Seperti ditegaskan oleh Suleiman dan Dahl (2019), hubungan ibu bapa dan anak menjadi lebih seimbang apabila remaja meningkat dewasa, manakala Zhang dan Grant (2023) menegaskan hubungan dengan ibu bapa masih kekal penting dalam fasa peralihan ke alam dewasa.

Dalam konteks komunikasi dengan bapa tunggal, tahap orientasi perbualan didapati lebih rendah berbanding dengan ibu, namun masih sedikit lebih tinggi daripada orientasi keakuran. Dapatan ini menonjolkan perbezaan dalam pendekatan dan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh bapa tunggal. Bapa tunggal sering kali bersikap lebih posesif dan kurang memberi kepercayaan kepada anak-anak, berbeza dengan ibu tunggal yang lebih terbuka serta menjadikan anak sebahagian daripada tanggungjawab harian untuk mendidik sifat berdikari (Dalwiah Eka Lestari & Ishak, 2018). Tambahan pula, bilangan belia yang tinggal bersama bapa lebih rendah, menyebabkan komunikasi sering berlaku melalui teknologi seperti WhatsApp atau Messenger (Mokhzan, 2024). Walaupun teknologi memudahkan interaksi, ia juga menghadkan komunikasi bersemuka yang lebih bersifat peribadi dan terbuka (Muhamad et al., 2023). Faktor lain yang mempengaruhi ialah kecenderungan bapa untuk berkahwin semula, yang lebih tinggi berbanding ibu (Lee & Choi, 2023), seterusnya mengurangkan

masa yang diluangkan bersama anak. Kajian Gvozdenović dan Bandalović (2024) juga mendapati penglibatan bapa dalam proses membesarkan anak-anak secara umumnya lebih rendah berbanding ibu.

Corak komunikasi yang paling kurang diamalkan ialah orientasi keakuran, iaitu komunikasi satu hala yang menekankan peraturan dan kepatuhan tanpa ruang dialog. Keluarga yang mengamalkan orientasi ini cenderung mengelak konflik, manakala keluarga yang berorientasikan perbualan lebih mengutamakan sokongan sosial (Koerner & Fitzpatrick, 1997). Dalam konteks ibu bapa tunggal, tekanan hidup yang tinggi menyebabkan mereka lebih fokus kepada pencapaian kesepakatan daripada berkonfrontasi, seperti dijelaskan oleh Cruz et al. (2024). Namun begitu, bukti empirikal tentang penurunan amalan orientasi keakuran dalam keluarga ibu bapa tunggal masih terhad. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan untuk memahami dengan lebih mendalam dinamika komunikasi dalam keluarga yang dipimpin oleh seorang ibu atau bapa sahaja.

4.2. Tahap Penghargaan Kendiri Belia dalam Keluarga Ibu Bapa Tunggal

Kajian Krauss dan Orth (2024) menunjukkan bahawa persekitaran keluarga tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan harga diri dalam kalangan remaja. Dalam kajian ini, tahap penghargaan kendiri belia berada pada julat sederhana. Faktor demografi turut mempengaruhi, antaranya minat tinggi belia untuk bergaul dengan rakan menunjukkan keyakinan sosial yang positif, manakala tahap keakraban dengan guru yang sederhana mungkin menandakan keterbatasan dalam sokongan emosi dan motivasi akademik. Belia lelaki menunjukkan tahap penghargaan kendiri lebih tinggi, disokong oleh penglibatan aktif dalam sukan dan kokurikulum (Nikander et al., 2021; Mohd Azhar Ya'cob & Mohd Khairi Zawi, 2022). Mohd Ajis et al. (2021) mendapati lelaki lebih yakin dalam aspek fizikal dan kepuasan kendiri.

Sebaliknya, perempuan lebih terkesan secara emosi dalam aspek moral-etika (Muhamad & Roseliza-Murni, 2021) dan berisiko mengalami pengasingan sosial serta pengurangan keyakinan diri akibat penceraian ibu bapa (Zulkefli & Mustapha, 2016). Dari segi tempat tinggal, belia perempuan yang tinggal bersama ibu menunjukkan penghargaan kendiri sederhana, manakala yang tinggal bersama bapa atau secara bergilir mencatatkan tahap lebih rendah, kemungkinan disebabkan oleh kecenderungan bapa mengutamakan anak lelaki (Nikiforidis et al., 2017). Ini dikuatkan lagi oleh kajian Sağkal et al. (2018) yang menekankan pentingnya hubungan positif antara bapa dan anak perempuan untuk kesejahteraan psikologi mereka.

4.3. Hubungan Corak Komunikasi Keluarga dengan Penghargaan Kendiri Belia

Dalam konteks keluarga ibu bapa tunggal, corak komunikasi antara anak dengan ibu atau bapa cenderung menjadi terlalu lemah atau tidak konsisten untuk menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tahap penghargaan kendiri belia. Namun begitu, hubungan antara corak komunikasi keluarga dan penghargaan kendiri belia menunjukkan bahawa orientasi perbualan, khususnya dengan ibu, berkait rapat secara positif dengan tahap penghargaan kendiri yang lebih tinggi dalam kalangan belia, kerana komunikasi terbuka dan penerimaan keluarga memberi sokongan emosi yang penting. Menurut Bakar et al. (2019), dalam orientasi perbualan, ibu bapa dan anak-anak berbincang secara terbuka dan saling percaya.

Sebaliknya, komunikasi dengan bapa menunjukkan korelasi negatif yang rendah, mungkin disebabkan pendekatan yang lebih tegas dan berfokus kepada disiplin. Ini sejajar dengan dapatan kajian Gvozdenović dan Bandalović (2024) yang menunjukkan bahawa kebanyakan bapa cenderung bersikap lebih tegas dan menitikberatkan aspek disiplin dalam hubungan dengan anak-anak mereka. Selain itu, peranan bapa yang mungkin tidak tinggal bersama serta beban peranan ibu yang lebih luas boleh mengurangkan pengaruh spesifik corak komunikasi terhadap pembentukan penghargaan kendiri.

Orientasi keakuran pula menunjukkan hubungan negatif yang rendah dengan penghargaan kendiri belia. Ibu bapa yang terlalu menekankan kepatuhan tanpa ruang dialog boleh menyebabkan anak merasa tidak selesa dan kurang gembira, sekaligus menjejaskan kemahiran sosial dan keyakinan diri (Muslihat & Listiana, 2021). Namun begitu, gabungan orientasi keakuran dan perbualan secara seimbang boleh membantu meningkatkan penghargaan kendiri belia secara lebih berkesan (Schrodt & Shimkowski, 2015).

5. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa corak komunikasi keluarga memainkan peranan dalam pembentukan penghargaan sendiri belia. Penghargaan sendiri adalah hasil interaksi kompleks antara pelbagai faktor lain seperti sokongan sosial, tekanan akademik, dan persekitaran (Chen & Ma, 2023; Nguyen et al., 2019). Komunikasi berorientasi perbualan dengan ibu memainkan peranan penting dalam pembentukan penghargaan sendiri dalam kalangan belia daripada keluarga ibu bapa tunggal. Komunikasi terbuka dengan ibu, yang lazimnya lebih rapat secara emosi dengan anak-anak terutamanya anak perempuan, memberi ruang untuk sokongan emosi dan pertukaran pandangan yang membina. Dapatan turut memperlihatkan bahawa faktor umur, jantina, dan tempat tinggal memberi kesan kepada gaya komunikasi dan tahap penghargaan sendiri. Belia lelaki mencatat tahap penghargaan sendiri lebih tinggi hasil penglibatan aktif dalam aktiviti sosial dan fizikal, manakala belia perempuan cenderung lebih terkesan dari segi emosi dan psikologi, khususnya jika tinggal bersama bapa atau berhadapan dengan kesan penceraihan.

Selain itu, komunikasi dengan bapa tunggal didapati kurang terbuka dan lebih bergantung kepada medium digital, yang mengurangkan peluang interaksi bersemuka dan beremosi. Gaya keibubapaan yang lebih tegas serta kecenderungan bapa untuk kurang terlibat secara langsung juga mempengaruhi hubungan komunikasi dan kesejahteraan emosi anak. Kajian ini turut menunjukkan bahawa orientasi keakuran, iaitu gaya komunikasi satu hala yang menekankan kepatuhan tanpa dialog, kurang diamalkan namun masih wujud dalam sesetengah keluarga, dan mempunyai kesan negatif terhadap penghargaan sendiri belia. Gabungan antara pendekatan perbualan dan keakuran secara seimbang dilihat lebih berkesan dalam menyokong pembinaan keyakinan diri dan hubungan kekeluargaan yang sihat. Oleh itu, penting untuk ibu bapa tunggal mengamalkan corak komunikasi yang lebih terbuka, menyokong, dan bersifat dua hala demi memastikan perkembangan emosi dan penghargaan sendiri anak-anak berada pada tahap yang positif.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan iaitu terhad kepada kawasan Sarikei dan responden berusia 13 hingga 20 tahun sahaja, menjadikannya kurang mewakili keseluruhan populasi belia serta keluarga ibu atau bapa tunggal dari lokasi lain. Di samping itu, penggunaan kaedah kuantitatif tanpa peluang kepada responden untuk berkongsi naratif peribadi turut membatasi pemahaman yang mendalam. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan melibatkan kawasan yang lebih luas, saiz sampel lebih besar dan seimbang serta menggunakan kaedah kualitatif seperti temu bual mendalam. Selain itu, dicadangkan untuk meneliti lebih mendalam dinamika komunikasi dalam keluarga ibu bapa tunggal, khususnya yang melibatkan interaksi dengan bapa, peranan media digital, dan pengaruh faktor sosioemosi dalam membentuk identiti belia.

KONFLIK KEPENTINGAN

Kami mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan kajian ini.

RUJUKAN

- Adnan, A. F. (2022, Mei 8). Muda gesa perkenal skim bantuan ibu tunggal. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/05/muda-gesa-perkenal-skim-bantuan-ibu-tunggal/>.
- Bakar, A., Afthanorhan, A., & Ridzuan, A. (2016). *Penilaian Model Pola Komunikasi Keluarga Menerusi Analisis Faktor Pengesahan (AFP): Kajian Di Malaysia*. (Catatan: Rujukan ini tidak mempunyai maklumat penerbitan penuh/jurnal dalam sumber.)
- Bojanić, Ž., Nedeljković, J., Šakan, D., Mitić, P. M., Milovanović, I., & Drid, P. (2019). Personality traits and self-esteem in combat and team sports. *Frontiers in Psychology*, 10. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.02280>
- Chen, X., & Ma, R. (2023). Adolescents' self-esteem: the influence factors and solutions. <https://doi.org/10.54097/ehss.v8i.4520>
- Costin, A. (2023). Patterns in children raised by single parents: A teacher view. *Journal plus Education*, 32(1/2023), 92–102. <https://doi.org/10.24250/jpe/vol.321/2023/ac>
- Cruz, C. A., Hilario, A., Matawaran, M. E., Reyes, I. N., Valero, L. M., & Paez, A. T. (2024). Unseen struggles on the financial challenges faced by single parents. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, VIII(XI), 3466–3476. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.8110267>
- Dalwiah Eka Lestari, & Ishak, C. (2018). Pola asuh ayah tunggal (*single father*) dan pola asuh ibu tunggal (*single mom*) a) kelurahan bangkala kecamatan manggala. *Jurnal Sosialisasi: Jurnal Hasil Pemikiran*,

- Esmaceli, N. S., & Yaacob, S. N. (2012). Correlates of self-esteem among adolescents of divorced families. *Archives Des Sciences*, 65(8), 52-59.
- Frase, R., Sutor, J. J., Gilligan, M., Kincaid, R., & Stepniak, C. (2022). The power of daughters: the role of sibship gender composition in mother-adult child relations. *Innovation in Aging*, 6(Supplement_1), 630–630. <https://doi.org/10.1093/geroni/igac059.2338>
- Fu, Y. (2023). The impact of single-parent families on children's externalizing behaviour. *SHS Web of Conferences*, 180, 02013. <https://doi.org/10.1051/shsconf/202318002013>
- Gvozdenović, A., & Bandalović, G. (2024). Differences in mothers' and fathers' parenting styles: a qualitative study. *ST-OPEN*, 5, 1–15. <https://doi.org/10.48188/so.5.3>
- Hafizah, E., & Permata, S. (2019). Pola komunikasi keluarga dalam membentuk karakter anak. *Raheema: Jurnal Studi Gender dan Anak*, 6(1), 91-104
- Hassan, M. S., Ab Hadi, S. N. I., Husani, N. H. Q., Khairil Anuar, N. A. Q., Baharen, N. S., Ismail Hamdi, N. N., & Md Yunus, W. A. M. (2022). Communication of parent-child among gen z: A preliminary study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i8/14468>
- Hemati, Z., Abbasi, S., & Kiani, D. (2017). Parental communication patterns and self-esteem in adolescents with addicted parents and control group. *Nursing Practice Today*, 4(2), 96–102.
- Homayoon, M., & Almasi, M. (2021). Research paper The role of family communication patterns and parenting styles in the self-esteem of students with learning disabilities. *Journal of Human Relations Studies*, 1(2).
- Jafar, M. F., & Hasan, S. (2016). Kajian penghargaan sendiri dan kepuasan hidup pelajar (A study of students' self esteem and life Satisfaction). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 22–31.
- Jayabalan, S. D. (2021). Hubungan antara penglibatan ibu bapa, status sosioekonomi keluarga dan pencapaian sains murid-murid sekolah Rendah.
- Jun-qing, F. (2020, August 28). *The Causes and Solutions on the Problems of Child Rearing in Single-Parent Family*. Wwww.atlantis-Press.com; Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200826.253>
- Jusoh, M. N., & Latada, F. (2019). Kemahiran kehidupan ibu tunggal terhadap kesejahteraan keluarga. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(3), 36–44. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/7668>
- Kamarulzaman, K. (2019). Hubungan di antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar kolej vokasional. <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=4872>
- Keating, D. M. (2016). Conversation orientation and conformity orientation are inversely related: a meta-analysis. *Communication Research Reports*, 33(3), 195–206. <https://doi.org/10.1080/08824096.2016.1186622>
- Koerner, A. F., & Fitzpatrick, M. A. (1997). Family type and conflict: The impact of conversation orientation and conformity orientation on conflict in the family. *Communication Studies*, 48(1), 59–75. <https://doi.org/10.1080/10510979709368491>
- Krauss, S., & Orth, U. (2024). Family environment and self-esteem development in adolescence: A replication and extension. *Journal of Research in Personality*, 111, 104511–104511. <https://doi.org/10.1016/j.jrp.2024.104511>
- Lee, S., & Choi, J. (2023). Gendered trends and patterns of attitudes toward remarriage among the divorced in South Korea. *Population Research and Policy Review*, 42(1). <https://doi.org/10.1007/s11113-023-09760-8>
- Lestari, D. E., & Ishak, C. (2018). Pola asuh ayah tunggal (single father) dan pola asuh ibu tunggal (single mom) kelurahan Bangkala kecamatan Manggala. *Jurnal Sosialisasi Pendidikan Sosiologi-FIS UNM*, (5) 25.
- Mansor, S. M., Kutty, F. M., & Amat, S. (2021). Hubungan antara penghargaan sendiri dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan kanak-kanak di pedalaman Pulau Tioman. *Jurnal DuniaPengurusan*, 3(1), 159–169. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/12550>
- Md. Naw, N. H., Din, A., & Megat Ahmad, P. H. (2019). Faktor situasi keluarga dan hubungannya dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar bermasalah (The factors of family situation and their relation with self- esteem among problematic students). *Borneo International Journal of Education*, 1, 2710–7361.
- Mohd Ajis, S. Z., Azlan, A. A., & Mohamad, E. (2021). Pembangunan indikator kesejahteraan lelaki di Malaysia melalui perspektif komunikasi intrapersonal: Analisis faktor penerokaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(4), 199–219. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2021-3704-12>
- Mohd Azhar Ya'cob, & Mohd Khairi Zawi. (2022). Keterlibatan dalam aktiviti fizikal dan pengaruh kepada self esteem pelajar sekolah menengah di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001406. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1406>
- Mohd Nasir, M. A., & Tahrir Adli, A. H. (2023). The relationship between family communication pattern and youth self-concept in rural Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 26. <https://doi.org/10.32890/jps2023.26.3>
- Mokhzan, N. S. (2024). Peranan komunikasi dan penggunaan teknologi maklumat dalam kehidupan seharian belia: kajian terhadap fungsi personal, interaksional, dan informasi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(5), 1-

13. <https://www.researchgate.net/publication/386093082> Peranan Komunikasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat dalam Kehidupan Sehari-hari Belia Kajian terhadap Fungsi Personal Interaksional dan Informasi The Role of Communication and the Use of Information Technology
- Muhamad, S. A., & Roseliza-Murni, A. (2021). Pengaruh imej badan dan penghargaan sendiri ke atas kebimbangan sosial dalam kalangan mahasiswa di Malaysia (The Role of Body Image and Self-Esteem on Social Anxiety Amongst University Students in Malaysia). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35(1), 36–52.
- Mund, M., Finn, C., Hagemeyer, B., Zimmermann, J., & Neyer, F. J. (2015). The dynamics of self-esteem in partner relationships. *European Journal of Personality*, 29(2), 235–249. <https://doi.org/10.1002/per.1984>
- Muslihat, & Listiana, A. (2021). The Single Parent's Parenting Style. *Proceedings of the 5th International Conference on Early Childhood Education (ICECE 2020)*, 538(1). <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210322.030>
- Nguyen, D. T., Wright, E. P., Dedding, C., Pham, T. T., & Bunders, J. (2019). Low self-esteem and its association with anxiety, depression, and suicidal ideation in Vietnamese secondary school students: A cross-sectional study. *Frontiers in Psychiatry*, 10(698). <https://doi.org/10.3389/fpsy.2019.00698>
- Nikander, J. A. O., Aunola, K., Tolvanen, A., & Ryba, T. V. (2021). Associations between student-athletes' self-esteem and career adaptability across the high school years. *Scandinavian Journal of Medicine & Science in Sports*, 32(4), 789–797. <https://doi.org/10.1111/sms.14114>
- Nikiforidis, L., Durante, K. M., Redden, J. P., & Griskevicius, V. (2017). Do mothers spend more on daughters while fathers spend more on Sons? *Journal of Consumer Psychology*, 28(1), 149–156. <https://doi.org/10.1002/jcpy.1004>
- Nwokolo, C., & Osemwegie, I. G. (2021). Relationship between family communication patterns and the self-esteem of in-school adolescents on secondary schools in Edo South Senatorial Zone, Edo State. *International Journal of Education Humanities and Social Science*, 4(03), 103-13.
- Orth, U., Robins, R. W., Meier, L. L., & Conger, R. D. (2016). Refining the vulnerability model of low self-esteem and depression: Disentangling the effects of genuine self-esteem and narcissism. *Journal of Personality and Social Psychology*, 110(1), 133–149. <https://doi.org/10.1037/pspp0000038>
- Ritchie, L. D., & Fitzpatrick, M. A. (1990). family communication patterns. *Communication Research*, 17(4), 523–544. <https://doi.org/10.1177/009365090017004007>
- Rosenberg, M. (1965). Society and the adolescent self-image. Princeton, N.J., Princeton University Press.
- Schrodt, P., & Shimkowski, J. R. (2015). Family communication patterns and perceptions of coparental communication. *Communication Reports*, 30(1), 39–50. <https://doi.org/10.1080/08934215.2015.1111400>
- Sharma, D. S. (2024). Exploring the dynamic tapestry of mother-daughter relationships in Indian English literature. *International Journal of English Literature and Social Sciences*, 9(2), 011–013. <https://doi.org/10.22161/ijels.92.3>
- Suleiman, A. B., & Dahl, R. (2019). Parent–child relationships in the puberty years: Insights from developmental neuroscience. *Family Relations*, 68(3), 279–287. <https://doi.org/10.1111/fare.12360>
- Sumakul, B. J. (2015). Peranan komunikasi keluarga dalam pembentukan identitas remaja di Kelurahan Mmalalayang i kecamatan Malalayang Kota Manado. *Acta Diurna Komunikasi*, 4 (4).
- Yaffe, Y. (2020). Systematic review of the differences between mothers and fathers in parenting styles and practices. *Current Psychology*, 42(1). <https://doi.org/10.1007/s12144-020-01014-6>
- Zhang, X., & Grant, A. (2023). Parent–child relationships from adolescence to adulthood: an examination of children's and parent's reports of intergenerational solidarity by race, ethnicity, gender, and socioeconomic status from 1994–2018 in the United States. *Social Sciences*, 12(5), 266. <https://doi.org/10.3390/socsci12050266>
- Zulkefli, N., & Mustapha, Z. (2016). Remaja daripada ibu bapa yang bercerai di Malaysia: Suatu penelitian ekspresi emosi. *Geografia*, 12(9). <https://www.proquest.com/scholarly-journals/remaja-daripada-ibu-bapa-yang-bercerai-di/docview/2488715658/se-2>